

Lelaki tumbuk muka dan ugut remaja lelaki didenda RM4,300

KUCHING: Padah menumbuk muka dan melakukan ugutan jenayah terhadap remaja lelaki berusia 14 tahun, seorang lelaki berusia 44 tahun didenda RM4,300 di Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Thain Sin Kwei mengaku bersalah di hadapan Majistret Nursyaheeqa Nazwa Radzali sebaik didakwa atas dua pertuduhan di bawah seksyen berbeza.

Mahkamah memerintahkan tertuduh didenda RM1,300 atau tiga bulan penjara bagi pertuduhan pertama di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksamaan kerana mencederakan mangsa.

Bagi pertuduhan kedua di bawah Seksyen 506 Kanun Keseksamaan iaitu melakukan ugutan jenayah terhadap mangsa, mahkamah menjatuhkan hukuman denda RM3,000 atau tujuh bulan penjara.

Mengikut kedua-dua pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu pada 3 Januari 2026 sekitar jam 5 petang di gelanggang


bola keranjang di sebuah sekolah menengah di Pending, di sini.

Fakta kes mendedahkan mangsa membuat laporan polis menyatakan dia telah diceredai oleh seorang lelaki dari pasukan lawan ketika bermain bola keranjang pada hari kejadian, sehingga dia mengalami kesakitan di bahagian kepala dan badan.

Susulan itu, polis menangkap tertuduh pada 9 Januari lalu dan hasil siasatan mendapati seorang pemain pasukan lawan bertindak memegang dan memeluk mangsa secara berulang kali sehingga menyebabkan mangsa tidak selesa serta terpaksa bermain secara kasar.

Melihatkan keadaan itu, bapa kepada pemain tersebut iaitu tertuduh, yang juga pemain senior bola keranjang, telah bertindak agresif dengan menyerang mangsa.

Tertuduh menumbuk kepala dan badan mangsa, menyebabkan mangsa mengalami kecederaan ringan iaitu lebam di bahagian rahang kiri.



DIDAKWA: Tertuduh (kiri) bersama pegawai penyiasat kes Inspektor Logeswara Tharumalay@Krishnan (kanan) keluar dari kamar Mahkamah Majistret semalam selesai sebutan kes.

— Gambar Mohd Faisal Ahmad

Selain itu, tertuduh juga mengugut mangsa dengan berkata “kamu mahu mati ka”.

Kejadian berkenaan disaksikan oleh ramai pemain lain, selain dirakam dengan jelas

oleh kamera litar tertutup (CCTV) di tempat kejadian.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Afiq Safly Nor Kazly sementara tertuduh tidak diwakili peguam.